



## SIARAN AKHBAR

### JERAYAWARA HARI MENABUNG KEBANGSAAN 2017 Sekolah Menengah Katok, Gadong

**Hari Khamis, 9 Rejab 1438 bersamaan dengan 6 April 2017**

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Radio Televisyen Brunei (RTB), Tabung Amanah Perkerja (TAP) serta institusi-institusi dan agensi-agensi berkenaan telah mengadakan jerayawara yang kedua bersempena dengan Hari Menabung Kebangsaan 2017 di Sekolah Menengah Katok, Gadong, pada hari Khamis, 9 Rejab 1438 bersamaan dengan 6 April 2017.
2. Hadir sebagai Tetamu Kehormat pada jerayawara tersebut ialah ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara iaitu Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, dan Yang Berhormat Haji Tahamit bin Haji Nudin, Penghulu Mukim Gadong 'A'. Turut hadir pada jerayawara tersebut ialah pegawai-pegawai kanan AMBD serta pegawai-pegawai kanan daripada Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jabatan Daerah Brunei dan Muara.
3. Dengan tema "*Generasi Celik Kewangan*", jerayawara ini diharap akan dapat meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan untuk menabung, pandai berdikari dari segi kewangan (*financial independence*) dan seterusnya untuk meningkatkan kesedaran para penuntut mengenai cara-cara untuk menangani isu-isu kewangan. Ini adalah selaras dengan usaha AMBD untuk membangunkan generasi yang celik kewangan dan juga matlamat Wawasan Brunei 2035 bagi Negara Brunei Darussalam untuk mempunyai ekonomi yang dinamik dan mampan, serta rakyat dan penduduk yang berkemahiran tinggi.
4. Sebanyak seratus (100) penuntut daripada sekolah-sekolah menengah di Daerah Brunei dan Muara telah dijemput ke jerayawara ini, di mana para penuntut telah ikut serta dalam permainan-permainan dan aktiviti-aktiviti interaktif yang bertemakan pengurusan kewangan dan pengenalan matawang, dianjurkan oleh AMBD, TAP, Junior Achievement, Baiduri Bank, Bank Islam Brunei Darussalam dan State Street.
5. Jerayawara ini merupakan jerayawara kedua daripada siri jerayawara-jerayawara Hari Menabung Kebangsaan 2017. Jerayawara pertama telah diadakan pada hari Isnin, 4 April 2017 yang lalu, di Sekolah Menengah Chung Hwa, dan akan seterusnya diadakan di Daerah Belait pada 10 April 2017, di Daerah Tutong pada hari Khamis 13 April 2017, dan di Daerah Temburong pada 18 April 2017.
6. Di samping itu, acara-acara lain yang akan diadakan bersempena dengan Hari Menabung Kebangsaan 2017 adalah *Financial Fun Fair* di *Jerudong Park Colonnade* pada hari Ahad, 30 April 2017, dari jam 2 petang hingga 10 malam. Acara ini akan menampilkan pelbagai program keluarga dan aktiviti interaktif yang bertemakan pengurusan kewangan secara berhemat; dan *Financial Showcase* pada hari Sabtu, 20 Mei 2017 bermula pada jam 2 petang hingga 8 malam bertempat di Airport Mall.

7. Untuk maklumat lanjut mengenai Hari Menabung Kebangsaan 2017, orang ramai boleh melayari laman web AMBD di [www.ambd.gov.bn/nsd2017](http://www.ambd.gov.bn/nsd2017); atau memuat turun AMBD App dari 'App Store' atau 'Google Playstore'; atau mengikuti AMBD di Instagram melalui @autoriti\_monetari.

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Tarikh: 9 Rejab 1438 / 6 April 2017

Rujukan: AMBD/COMMS/3